

PENGECUALIAN DUTI/CUKAI KE ATAS ALAT KELENGKAPAN BAGI PROJEK PELANCUNGAN BERBENTUK BUKAN PENGINAPAN

Syarikat yang menjalankan projek pelancungan berbentuk bukan penginapan layak dipertimbangkan pengecualian duti/cukai ke atas alat kelengkapan yang diperlukan dalam operasi syarikat.

Syarat Kelayakan

Syarikat perlulah bertaraf Sendirian Berhad atau Berhad;

Projek syarikat didaftarkan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancungan sebagai projek pelancungan.

Projek Yang Layak

Peralatan yang layak diberi pertimbangan pengecualian duti/cukai adalah merupakan peralatan yang asasi (digunakan secara langsung dalam operasi syarikat) dan menjadi daya tarikan dalam projek tersebut seperti *ferries wheel, merry-go-round, motor ski* dan peralatan seumpamanya.

Peralatan Yang Tidak Layak

- a) alat untuk tujuan pengurusan harian seperti perabut, hiasan dalaman, mesin taip, jam dan sebagainya;
- b) alat pakai habis seperti petrol, minyak pelincir, telefon dan sebagainya; dan
- c) peralatan untuk tujuan perjudian seperti mesin slot, permainan video dan sebagainya.

Cara Memohon

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Analisa Cukai, Perbendaharaan Malaysia, Tingkat 6 Blok Tengah, Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, 62592 Putrajaya dengan menggunakan Borang BCP/H-92 yang boleh didapati daripada Bahagian ini.

Jangkamasa Pemerosesan

Keputusan permohonan syarikat akan disampaikan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh permohonan yang diterima oleh Perbendaharaan.

Pegawai Yang Dirujuk

Pertanyaan mengenai perkara ini boleh dirujuk kepada pegawai yang menjaga industri berkaitan.